



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 56  
Bil. 26

18hb Disember 2003

*TAMBAHAN No. 10  
PERUNDANGAN*

---

**Pk. P.U. 18.**

ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN  
AWAM NEGERI 1959

ENAKMEN 10/59  
PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT  
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI 2001 ✓

---

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

Peraturan-Peraturan

1. Nama dan mula berkuat kuasa.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan Lembaga-Lembaga Kenaikan Pangkat.
4. Bidang Kuasa dan fungsi Lembaga Kenaikan Pangkat.
5. Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat.
6. Korum bagi mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat.
7. Pengundian.
8. Rekod mesyuarat.
9. Prinsip dan prosedur Lembaga Kenaikan Pangkat.
10. Penggantian anggota Lembaga Kenaikan Pangkat.
11. Lembaga Kenaikan Pangkat tambahan.

12. Menyenarai pendek calon-calon.
13. Calon-calon simpanan.
14. Keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat.
15. Penubuhan Lembaga-Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Perak.
16. Bidang kuasa dan fungsi Lembaga Rayuan.
17. Korum bagi mesyuarat Lembaga Rayuan.
18. Rayuan.
19. Prosedur rayuan.
20. Pendengaran rayuan.
21. Keputusan Lembaga Rayuan.
22. Kaedah-kaedah prosedur Lembaga Rayuan.
23. Mesyuarat, pengundian dan minit Lembaga Rayuan.
24. Pemansuhan Pk. PU. 26/76.
25. Peruntukan kecualian dan peralihan.

#### JADUAL

### ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI 1959

#### PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAikan PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI 2001

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 11A Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri 1959 [*Enakmen 10/59*], Raja dalam mesyuarat ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut:

#### Nama dan mula berkuat kuasa

1. Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri 2001** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

#### Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“jawatan” ertinya semua jawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri tetapi tidak termasuk sesuatu jawatan yang ditetapkan sebagai jawatan khas dalam erti Fasal (4) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan;

“kenaikan pangkat” ertinya peningkatan secara hakiki dari satu tingkatan ke suatu tingkatan yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan pegawai yang berkenaan;

“Ketua Jabatan” ertinya Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengarah sesuatu Jabatan, Ketua Jabatan bagi sesuatu Daerah atau mana-mana pegawai yang ditetapkan sedemikian oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa;

“Lembaga Kenaikan Pangkat” ertinya Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri yang ditubuhkan di bawah peraturan 3, dan adalah termasuk suatu Lembaga Kenaikan Pangkat tambahan yang ditubuhkan menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Peraturan 11;

“Lembaga Rayuan” ertinya Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri yang ditubuhkan di bawah Peraturan 16;

“memangku” ertinya apabila kelulusan diberi kepada seseorang pegawai untuk menjalankan secara penuh masa tugas-tugas yang berkaitan dengan suatu jawatan yang lebih tinggi tingkatannya daripada tingkatan hakikinya dalam skim Perkhidmatan yang relevan bagi pegawai yang berkenaan sama ada dengan tujuan untuk kenaikan pangkat atau sebaliknya; dan

“wakil” ertinya seseorang pegawai yang dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

#### **Penubuhan Lembaga-Lembaga Kenaikan Pangkat**

3. Maka adalah ditubuhkan Lembaga-Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri seperti dinyatakan dalam ruang 1 Jadual berkenaan dengan tiap-tiap kelas pegawai yang dinyatakan dalam ruang 2 Jadual, yang terdiri daripada anggota-anggota yang ditetapkan dalam ruang 3 Jadual: Dengan syarat bahawa anggota-anggota Lembaga Kenaikan Pangkat hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang akan dipertimbangkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat itu dalam sesuatu urusan tertentu.

#### **Bidang kuasa dan fungsi Lembaga Kenaikan Pangkat**

4. (1) Lembaga Kenaikan Pangkat hendaklah mempunyai bidang kuasa dan hendaklah menjalankan fungsi-fungsinya dalam perkara berhubungan dengan kenaikan pangkat dan pemangkuan semua pegawai dalam kelas yang ditetapkan dalam ruang 2 Jadual yang bersamaan dengan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan dan mereka adalah anggota Perkhidmatan Awam Negeri.
- (2) Walau apa pun subperaturan (1), Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan boleh menimbang dan mengesyorkan kepada Suruhannya Perkhidmatan Awam Negeri seseorang pegawai bagi pelantikan ke sesuatu jawatan yang ditetapkan sebagai jawatan khas.

### Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat

5. Bagi maksud menjalankan fungsinya, Lembaga Kenaikan Pangkat hendaklah bermesyuarat pada sesuatu tarikh dan di sesuatu tempat dan pada sesuatu masa sebagaimana ditentukan oleh Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat itu.

### Korum bagi mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat

6. (1) Korum bagi semua mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat yang mempunyai lebih daripada tiga orang anggota hendaklah tiga termasuk Pengerusi.

(2) Sekiranya keanggotaan Lembaga Kenaikan Pangkat terdiri daripada tiga orang sahaja, semua anggota Lembaga Kenaikan Pangkat itu hendaklah hadir.

### Pengundian

7. Tertakluk kepada Peraturan 9, semua perkara yang dibangkitkan disesuatu mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat hendaklah diputuskan mengikut kelebihan undi dan sekiranya terdapat undi sama banyak dalam keadaan di mana Lembaga Kenaikan Pangkat terdiri daripada anggota-anggota bilangan genap, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

### Rekod mesyuarat

8. Prosiding dan keputusan yang diambil di sesuatu mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat hendaklah direkodkan dan disimpan dengan sempurnanya oleh Sekretariat Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan.

### Prinsip dan prosedur Lembaga Kenaikan Pangkat

9. Pada menjalankan fungsinya, Lembaga Kenaikan Pangkat hendaklah mematuhi Prinsip-Prinsip yang dinyatakan dalam Perintah-Perintah Am atau perintah-perintah pentadbiran atau arahan-arahan pentadbiran lain yang pada masa ini dikeluarkan secara sah di sisi undang-undang dan kuatkuasa.

### Penggantian anggota Lembaga Kenaikan Pangkat

10. Sekiranya didapati bahawa adalah tidak adil atau tidak wajar bagi mana-mana anggota Lembaga Kenaikan Pangkat menghadiri mana-mana prosiding Lembaga Kenaikan Pangkat itu, anggota itu hendaklah digantikan dalam prosiding itu oleh seorang pegawai yang dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

Dengan Syarat bahawa anggota yang dilantik sedemikian itu hendaklah seorang pegawai yang berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang akan dipertimbangkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat dalam suatu urusan tertentu.

**Lembaga Kenaikan Pangkat tambahan**

11. Setiausaha Kerajaan Negeri hendaklah, dari semasa ke semasa jika dianggapnya perlu, dengan memberi perhatian kepada proses yang terlibat, bilangan jawatan kenaikan pangkat, tingkatan, bilangan pegawai yang terlibat dan masa yang mungkin diambil bagi sesuatu urusan tertentu itu, menubuhkan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri tambahan bagi Kumpulan Sokongan yang terdiri daripada anggota-anggota berikut yang mana hendaklah dilantik olehnya:

- (i) seorang Pengerusi, yang mana hendaklah seorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang paling kanan selepas Ketua Jabatan yang berkenaan; dan
- (ii) dua orang anggota lain yang hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, seorang daripadanya hendaklah pegawai yang sedang berkhidmat dalam Jabatan yang berkenaan dan yang seorang lagi ialah wakil Setiausaha Kerajaan Negeri.

Dengan syarat bahawa pegawai-pegawai yang dilantik untuk menjadi anggota-anggota Lembaga Kenaikan Pangkat yang ditubuhkan di bawah Peraturan ini hendaklah berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang akan dipertimbangkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat itu dalam suatu urusan tertentu.

**Menyenarai Pendek Calon-Calon**

12. Tertakluk kepada Peraturan 9, sesuatu Lembaga Kenaikan Pangkat boleh menyenarai pendekkan calon-calon dalam mana-mana urusan kenaikan pangkat.

**Calon-calon Simpanan**

13. (1) Sesuatu Lembaga Kenaikan Pangkat boleh, menurut budi bicaranya, menaikkan pangkat calon-calon simpanan dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat dalam tempoh enam bulan hingga satu tahun dari tarikh keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat itu diumumkan.

(2) Pelanjutan tempoh bagi calon-calon simpanan boleh dibuat menurut budibicaranya oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.

**Keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat**

14. (1) Semua calon dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat atau pemangkuan hendaklah diberitahu oleh Lembaga Kenaikan Pangkat mengenai keputusannya.

(2) Keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat adalah sementara dan tidak disahkan sehingga semua rayuan berkenaan dengan sesuatu urusan kenaikan pangkat tertentu telah diputuskan.

### **Penubuhan Lembaga-Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri**

15. Maka adalah dengan ini ditubuhkan Lembaga-Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri berkenaan dengan tiap-tiap kelas pegawai yang dinyatakan dalam ruang 2 Jadual yang terdiri daripada anggota-anggota yang ditetapkan dalam ruang 4 Jadual.

### **Bidang kuasa dan fungsi Lembaga Rayuan**

16. Sesuatu Lembaga Rayuan hendaklah mempunyai bidang kuasa dan hendaklah menjalankan fungsi-fungsinya berkenaan dengan apa-apa rayuan yang dibuat mengikut peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan ini terhadap apa-apa keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat berhubung dengan seseorang pegawai dalam perkhidmatan yang tersebut dalam subperaturan 4 (1) yang ke atasnya Lembaga Kenaikan Pangkat itu mempunyai bidang kuasa.

### **Korum bagi mesyuarat Lembaga Rayuan**

17. (1) Korum bagi semua mesyuarat Lembaga Rayuan yang mempunyai lebih daripada tiga orang anggota hendaklah tiga orang termasuk Pengerusi.

(2) Sekiranya keanggotaan Lembaga Rayuan terdiri daripada tiga orang sahaja, semua anggota Lembaga Rayuan itu hendaklah hadir.

### **Rayuan**

18. Mana-mana pegawai yang layak untuk dipertimbangkan dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat atau pemangkuan yang terkilang dengan keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan, boleh merayu kepada Lembaga Rayuan yang relevan.

### **Prosedur rayuan**

19. (1) Sesuatu rayuan kepada Lembaga Rayuan hendaklah dibuat secara bertulis mengikut Peraturan-Peraturan ini melalui Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat itu disampaikan kepada pegawai yang berkenaan.

(2) Apabila sesuatu rayuan dibuat di bawah Peraturan ini diterima, Pengerusi Lembaga Pangkat yang berkenaan atau dalam masa ketiadaannya anggota yang diwakilkannya untuk berbuat demikian, hendaklah menyebabkan supaya disediakan rekod-rekod atau suatu ringkasan rekod-rekod mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat dan pernyataan yang menyatakan alasan-alasan bagaimana Lembaga Kenaikan Pangkat itu telah mencapai keputusannya.

(3) Rekod-rekod tersebut atau ringkasan rekod-rekod tersebut dan alasan-alasan keputusan itu hendaklah dihantar kepada Lembaga Rayuan yang relevan dalam tempoh tiga puluh hari dari rayuan itu diterima oleh Lembaga Kenaikan Pangkat itu.

### **Pendengaran rayuan**

20. (1) Apabila diterima rekod-rekod prosiding dan alasan-alasan bagi keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat, Pengerusi, Lembaga Rayuan yang berkenaan hendaklah memanggil suatu mesyuarat Lembaga Rayuan untuk menimbangkan rayuan itu.

(2) Sesuatu Lembaga Rayuan boleh, bagi maksud memutuskan rayuan itu dengan adil, meminta apa-apa pernyataan daripada mana-mana pihak sebelum membuat apa-apa keputusan.

### **Keputusan Lembaga Rayuan**

21. (1) Sesuatu Lembaga Rayuan selepas menimbangkan rayuan itu boleh mengesahkan atau mengubah keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan.

(2) Dalam melaksanakan keputusan sesuatu Lembaga Rayuan, Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan boleh mengubah tarikh kuatkuasa kenaikan pangkat dan susunan kekananan pegawai yang berkenaan dengan syarat bahawa ia tidak akan menjejaskan kenaikan pangkat *per-se* pegawai yang berjaya itu.

(3) Keputusan sesuatu Lembaga Rayuan adalah muktamad.

### **Kaedah-kaedah prosedur Lembaga Rayuan**

22. Kaedah-kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri bagi maksud mengawalselia prosedurnya yang pada masa ini berkuat kuasa hendaklah terpakai bagi Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengerusan dengan apa-apa ubahsuaian sebagaimana perlu, dan kaedah-kaedah itu hendaklah berkuat kuasa seolah-olah ia menjadi sebahagian daripada Peraturan-peraturan ini:

Dengan syarat bahawa Lembaga-Lembaga Rayuan yang lain boleh, dengan apa-apa ubahsuaian sebagaimana perlu, menerima-pakai kaedah yang sama bagi maksud mengawalselia prosedurnya.

### **Mesyuarat, pengundian dan minit Lembaga Rayuan**

23. Peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan ini berhubungan dengan mesyuarat, pengundian dan minit berkenaan dengan Lembaga Kenaikan Pangkat adalah terpakai bagi Lembaga-Lembaga Rayuan selain daripada Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan dengan apa-apa ubahsuaian sebagaimana perlu.

### **Pemansuhan Pk. P.U. 26/76**

24. Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Perak 1976 adalah dimansuhkan.

**Keputusan Lembaga Rayuan**

25. (1) Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menyentuh apa-apa perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang telah dimulakan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat atau oleh sesuatu Lembaga Rayuan di bawah Peraturan-Peraturan yang dimansuhkan oleh peraturan 25 dan semua perbuatan dan prosiding tersebut hendaklah dianggap sebagai telah dilakukan atau dimulakan di bawah Peraturan-peraturan ini dan apa-apa prosiding berkenaan dengan seseorang pegawai yang dimulakan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat atau Lembaga Rayuan sebelum mula berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan ini, boleh diselesaikan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat atau Lembaga Rayuan itu.

(2) Apa-apa rayuan terhadap keputusan sesuatu Lembaga Kenaikan Pangkat menurut subperaturan (1) jika belum dikemukakan sebelum Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa, hendaklah dibuat kepada Lembaga Rayuan yang relevan yang ditubuhkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh dianggap sebagai menyentuh atau mengambil apa-apa kuasa, keistimewaan atau perlindungan yang diberi kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri atau mana-mana ahlinya di bawah Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri 1959 (*Enakmen 10/59*).

(4) Walau apa pun peruntukan Peraturan-Peraturan ini, sekiranya tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan seseorang pegawai yang terlibat dalam suatu urusan kenaikan pangkat diklasifikasikan semula di bawah mana-mana pekeling atau Peraturan-Peraturan perkhidmatan yang berkuatkuasa pada masa ini selepas urusan kenaikan pangkat bermula, Lembaga Kenaikan Pangkat atau Lembaga Rayuan yang memulakan urusan atau prosiding itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah meneruskan urusan atau prosiding itu, mengikut mana yang berkenaan, sehingga selesainya urusan atau prosiding itu.

JADUAL			
URUSAN KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM			
A-LEMBAGA RAYUAN KENAIKAN			
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI			
(MELALUI PERUNTUKAN 3, 4 DAN 16)			
(1)	(2)	(3)	(4)
Lembaga Kenaikan Pangkat	Pengelasan Pegawai	Keanggotaan Lembaga Kenaikan Pangkat	Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat dan Keanggotaan
Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan	(a) Kumpulan Pengurusan Tertinggi	Pengerusi: Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri

(1)	(2)	(3)	(4)
Lembaga Kenaikan Pangkat	Pengelasan Pegawai	Keanggotaan Lembaga Kenaikan Pangkat	Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat dan Keanggotaan
		<p>Anggota: Dua orang Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri</p>	
	(b) Kumpulan Pengurusan dan Profesional di bawah Sistem Saraan Baru	<p>Pengerusi Setiausaha Kerajaan Negeri</p> <p>Anggota: (i) Pegawai Kewangan Negeri</p>	<p>Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat dan Keanggotaan</p> <p>Pengerusi: Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam</p>
	(c) Kumpulan "A" di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976	(ii) Pengarah Tanah dan Galian Perak	<p>Anggota: Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri</p>
Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan	(a) Kumpulan Sokongan di bawah Sistem Saraan Baru	<p>Pengerusi: Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran)</p>	<p>Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan</p>
	(b) Kumpulan B, C dan D di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976	<p>Anggota: (i) Dua orang Pegawai dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional yang dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri</p>	<p>Pengerusi: Setiausaha Kerajaan Negeri</p> <p>Anggota: (i) Penasihat Undang-Undang Negeri (ii) Pegawai Kewangan Negeri</p>

Diperbuat pada 2 Oktober 2003  
[PU.Pk.]

HAJI SHAR Aidin Bin Takin  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak Darul Ridzuan